

KUBELA



RALIT LIHAT AKSI CHANNA

'Snakehead emperor' jadi kegilaan penggemar ikan hiasan dengan pelbagai jenis, variasi

FOKUS

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@
hmetro.com.my

emperor' kerana keunikannya terletak pada bahagian kepala dikatakan menyerupai kepala ular selain memiliki corak tertentu pada badan. Ia dilihat seperti ciri-ciri ikan haruan dan toman yang terdapat dalam perairan air tawar di Malaysia.

Menurut peminat tegar dan penganjur tempatan pertandingan ikan Channa, Malaysia Channa Attack, Mohd Fairuz Mohd Azman, spesies ini mula mendapat perhatian peminat ikan hiasan kerana kewujudan pelbagai variasi baik segi warna, jenis, saiz, lokaliti dan harga.

Pemancing memburu ikan predator seperti toman bagi kepuasan 'menaklukkannya' yang memiliki karakter agresif dan dijadikan sebagai sumber makanan berbanding ikan hiasan.

Namun keluarga ikan ini yang dipanggil channa, mula mendapat perhatian peminat ikan hiasan tempatan sejak pandemik lalu.

Ikan ini yang mendapat jolokan 'snakehead

> 32



MASIH boleh disentuh dan dibeli.

FOTO | IHSAN GENES GULITAH

TINGKAH laku ikan channa yang agresif dan mengikut gerak tangan pemilik antara ciri kegemaran spesies ikan itu.



AKTIF DAN AGRESIF

Channa tahan lasak dan tidak memilih makanan



Channa adalah nama Latin bagi semua spesies ikan keluarga haruan dan toman

MOHD FAIRUZ

ikan itu menyertainya," katanya.

Sementara itu, rakannya, Abdul Barri berkata, dia ralit melihat aksi ikan ini yang agresif dan mudah diajak bermain.

"Kepuasan memiliki channa ini adalah sifatnya yang aktif dan agresif apabila kita berdekatan dengannya atau beri makan.

"Ia akan mengikut pergerakan kita ke kiri dan ke kanan ibarat 'menyambut' kita di hadapan akuarium.

"Selain itu, nilai estetik ikan ini terserlah apabila dijaga baik pemiliknyanya. Selain mempunyai keistimewaan tersendiri iaitu berubah mengikut persekitaran. Begitu juga warna dan motif pada badan channa boleh berubah menjadi bertambah menarik," katanya.

Selain itu, kata Abdul Barri, penjagaan ikan ini juga sangat mudah. Channa tahan lasak dan tidak memilih makanan. Ia senang didapati seperti udang, pallet ikan dan cacing.

Bercerita pengalaman pertama kali mengenali channa, pemuda berusia 24 tahun itu mengenali ikan daripada abangnya yang terlebih dahulu memelihara spesies Channa Limbata.

"Saya terbabit dalam hobi memelihara channa apabila diperkenalkan oleh abang yang ketika itu pelihara Channa Limbata.

"Malah, buat kajian dan mendapati rupanya ia banyak variasi terutama spesies dari luar termasuk dari China, Indonesia, Filipina dan Thailand.



"Perlahan-lahan kumpul dan pernah memiliki hampir 30 koleksi channa dari pelbagai spesies dalam satu masa," katanya.

Berkongsi keterujaan peminat ikan hiasan itu lagi apabila dapat melihat pelbagai variasi secara dekat.

"Pertandingan pada Disember depan julung kali menggabungkan penyertaan komuniti ikan di Malaysia dan Indonesia antara acara paling besar. Boleh lihat ratusan spesies bertanding.

"Acara dijangka diadakan di Selangor bakal menerima penyertaan 800 akuarium membabitkan peserta kedua-dua negara. Selain mengumpul peminat ikan, hubungan silaturahim kedua-dua negara dapat dirapatkan," katanya

TOMPOK dan warna mengikut variasi atau jenis contoh Mariulodes Yellow Sentarum.



PELBAGAI bentuk saiz, warna dan varian.

DARI MUKA 31

"Channa adalah spesies unik daripada ikan predator yang mempunyai pelbagai jenis dan variasi. Mungkin ramai di luar sana yang belum tahu mengenai ikan channa yang dilihat mirip dengan ikan haruan. Channa adalah nama Latin bagi semua spesies ikan keluarga haruan dan toman.

"Ikan channa kini menjadi kegilaan penggemar ikan hiasan disebabkan ia sangat bervariasi, bermula dengan pilihan harga, jenis, warna, lokaliti (merujuk daerah asal spesies) dan nilai estetik yang berbeza. Dari Asia sehingga ke barat mempunyai spesies Channa tersendiri.

"Di Malaysia, meskipun channa ini tergolong dalam spesies predator, ia tidak memerlukan sebarang lesen dan permit untuk memeliharanya. Bermakna ia boleh dipelihara sebagai hiasan di rumah.

"Namun bagi spesies channa dari luar pemilik tidak boleh melepaskan ikan berkenaan di perairan

kita bagi mengelak mengganggu ekosistem semula jadi," katanya.

Kata Mohd Fairuz, peminat ikan itu semakin berkembang hingga mendorong beliau bersama rakan Abdul Barri Shafruddin mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan ikan channa, Malaysia Channa Attack bermula dua tahun lalu.

"Malaysia mempunyai channanya tersendiri. Antaranya Channa Maruloides atau dikenali sebagai toman bunga di mana jenis ini yang paling terkenal untuk dipelihara kerana corak badannya yang berbunga dan warnanya cantik.

"Spesies yang sama juga terletak di tangga teratas sebagai spesies channa yang diperakui paling cantik di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia yang memiliki kelompok peminat lebih besar.

"Pertandingan Malaysia Channa Attack juga mula mendapat perhatian apabila penganjuran siri ketiga di Terengganu mendapat perhatian lebih 250 peminat



Kepuasan memiliki channa ini adalah sifatnya yang aktif dan agresif apabila kita berdekatan dengannya atau beri makan

ABDUL BARRI



KEPUASAN Mohd Fairuz dan Abdul Barri apabila memenangi trofi pertandingan pada tahun lalu.



IKAN channa kini menjadi kegilaan pemilik ikan hiasan.